

PM umum pelaburan RM1.43b bagi 8 inisiatif baharu
Utusan Online
September 08, 2011

KUALA LUMPUR 8 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan lapan inisiatif baharu dan projek dipulihkan dengan membabitkan pelaburan sebanyak RM1.43 bilion.

Inisiatif baru dan projek tersebut menyumbang Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM8.4 bilion.

Lapan inisiatif baharu itu juga bakal menawarkan sebanyak 9,965 pekerjaan tambahan.

Najib berkata, secara keseluruhan Program Transformasi Ekonomi telah mencatatkan pelaburan sebanyak RM171.21 bilion, PNK RM228.55 bilion dan 372,361 pekerjaan baharu.
- Utusan

Copyright © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0908&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_06.htm